



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

KENYATAAN MEDIA

PENGECUALIAN BAYARAN PROSES UPUONLINE BAGI SESI AKADEMIK 2021/2022

Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah bersetuju untuk **menanggung sepenuhnya bayaran proses UPUOnline/UNIK ID kepada semua pemohon bagi sesi akademik 2021/2022.**

Untuk makluman, bayaran proses UPUOnline sebelum ini dikenakan kepada pemohon untuk mendapatkan No. Unik ID Bank Simpanan Nasional sebagai syarat untuk mengisi borang permohonan bagi melanjutkan pengajian ke Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA).

Justeru, melalui pengecualian ini, permohonan kemasukan ke IPTA dan ILKA bagi sesi akademik 2021/2022 boleh dibuat terus oleh pemohon di laman sesawang **upu.mohe.gov.my** seperti butiran berikut :

Kategori Pemohon	Tempoh Permohonan	Pilihan Program Pengajian
Lepasan SPM	4 Januari hingga 31 Mac	21 Mac – 31 Mac
Lepasan STPM/ Asasi/ STAM		16 Mac hingga 31 Mac
Lepasan Matrikulasi		23 Mac hingga 31 Mac
Lepasan Diploma/Setaraf		9 Mac hingga 31 Mac

KPT berharap keputusan ini dapat meringankan beban para pelajar dan melancarkan urusan mereka untuk melanjutkan pengajian seterusnya menjamin masa depan yang lebih cerah.

DATUK SERI DR. NORAINI AHMAD
Menteri Pengajian Tinggi

8 Mac 2021